

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

KAJIAN TERHADAP LIRIK DAN MELODI “SAYANG DI SAYANG” GUBAHAN  
ZUBIR SAID

TESIS INI DIKEMUKAKAN KEPADA FAKULTI SENI MUZIK SEBAGAI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT-SYARAT IJAZAH SARJANA MUDA SENI  
MUZIK KOMPOSISI (KEPUJIAN)

FAKULTI MUZIK

OLEH  
WAN MOHD SYARIL ANNUAR BIN WAN MOHD HARITH  
2005392618

SHAH ALAM, SELANGOR  
NOVEMBER 2008

## **Penghargaan**

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Saya berasa amat bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat saya menghasilkan tesis ini. Tesis ini merupakan kajian yang saya lakukan untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan.

Semasa proses menghasilkan dan menyempurnakan kajian ini, ramai pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak. Segala tunjuk ajar dan kerjasama yang diberikan amat saya hargai. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya Wan Mohd Harith b. Wan Saidin dan Zaini bt Othman yang selalu mendoakan kejayaan anak-anak mereka dan memberi semangat untuk terus berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi. Juga ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang di kasih terutamanya Wan Nur Hazliana bt Wan Mohd Harith dan Nor Yasmin bt Mohammed Yasin yang selalu memberi kata-kata semangat dan dorongan agar tesis ini disempurnakan dan yang turut memeberi sokongan kepada saya selama ini.

Seterusnya ucapan terima kasih saya yang tak ternilai kepada Prof. Madya En. Kharil Johari Johar yang bertindak sebagai penasihat dan penyelia saya bagi menyiapkan tesis ini. Jutaan terima kasih kepada penasihat kedua saya iaitu En. Muhammad Shukor bin Haji Abdul Moner. Mereka berdua yang

## **Abstrak**

Tesis ini merupakan kajian tentang lirik dan melodi "Sayang di Sayang" yang digubah oleh Zubir Said pada tahun 1952. lagu ini juga turut diselitkan ke dalam sebuah filem melayu era 50-an iaitu filem Rachun Dunia.

Untuk menyiapkan tesis ini, penulis telah membahagikan setiap tajuk kepada beberapa bab. Segala maklumat dan keterangan ditentukan oleh penulis dan diletakkan mengikut susunan bab-bab yang telah dibahagikan. Penulis juga telah melampirkan soalan-soalan yang penulis ajukan semasa melakukan temuramah dengan pakar linguistik dan bahasa dari Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bagi melihat keseluruhan melodi Sayang di Sayang, transkripsi melodi dilampirkan pada bahagian lampiran beserta dengan liriknya. Ia bertujuan sebagai rujukan atau memperlihatkan keseluruhan bentuk melodi Sayang di Sayang.

Kajian ini dilakukan adalah untuk memenuhi silibus pengajian penulis di Fakulti Muzik, UiTM. Selain daripada itu, pemilihan tajuk yang berkaitan muzik tradisional adalah untuk memperbanyak lagi analisa-analisa terhadap genre muzik tradisional di Malaysia. Penulis mengaplikasikan teori-teori dari Barat terhadap lagu ini untuk menganalisa melodi lagu Sayang di Sayang. Penulis juga berharap kajian sebegini akan lebih kerap dilakukan dimasa akan datang dengan mengambil kajian ini sebagai contoh.

## **ISI KANDUNGAN**

<i>PENGESAHAN</i>	i
<i>PENGAKUAN</i>	ii
<i>PENGHARGAAN</i>	iii
<i>ABSTRAK</i>	vi
<i>ISI KANDUNGAN</i>	vii

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1	Pengenalan Penulisan	1
1.2	Tujuan Kajian	3
1.3	Skop Kajian	5
1.4	Kaedah Kajian	6
1.5	Organisasi kajian	7

### **BAB 2 SAYANG DI SAYANG DARI ZUBIR SAID**

2.1	Sejarah dan Latar belakang Zubir Said	10
2.2	Sejarah dan Latar belakang Lagu Sayang di Sayang.	13
2.2.1	Lirik Lagu	14
2.3	Muzik Asli	15
2.4	Pemilihan lagu Sayang di Sayang	17

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1. Pengenalan Penulisan**

Muzik asli adalah seni warisan yang telah lama wujud di Malaysia. Ia terkenal dengan liriknya yang amat puitis dan mempunyai alunan melodi yang mengasyikan. Lirik-lirik lagu asli selalunya dicipta di dalam pelbagai bentuk puisi seperti gurindam, seloka dan pantun yang menerapkan cerita-cerita teladan, sejarah tentang sesuatu tempat dan sebagainya. Keindahan puisi adalah berbeza daripada keindahan prosa. Oleh kerana keindahan dan kehalusan bahasa yang terdapat di dalam puisi, ia membuatkan penulis ingin mengetahui dan menyelami apa yang terkandung di dalam sesebuah lirik yang mempunyai unsur-unsur puisi. Di dalam buku *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden* karangan Sahlan Mohd. Saman penulis mengambil petikan berikut untuk menggambarkan betapa indahnya puisi yang terdapat di dalam lagu-lagu asli di Malaysia.

*Shelley pernah mencatatkan bahawa "puisi mengubah segala-galanya menjadi indah, malah lebih mengindahkan sesuatu yang telah sedia indah, mampu mencantikkan sesuatu yang telah rosak, mewujudkan pemerihalan di luar kelumrahan, mampu pula membongkar segala yang bertutup dengan kepura-puraan sebagai semangat kepada bentuknya<sup>1</sup>"*  
*(Hofman, 1996:406)*

---

<sup>1</sup> Sahlan Mohd Saman. (2005). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden*. Ampang: Dawama Sdn Bhd. Pg 10